

Bunuh diri meningkat

Saudi catat 787 kes tahun ini, kebanyakannya golongan muda

RYADH: Seorang gadis berusia 17 tahun menembak dirinya dengan pistol bapanya berdekatan Abha.

Di Bisha, seorang gadis berusia 20 tahun menggantung diri di kediamannya.

Di RasTanura pula, seorang lelaki berusia 20-an mati selepas menembak dirinya di hadapan ahli keluarga.

Seorang lelaki di wilayah timur memutuskan untuk membunuh diri dengan melancarkan diri dalam tangki air di atas rumah dan tiga remaja perempuan di tiga lokasi berbeza juga membunuh diri.

Ini adalah beberapa kes bunuh diri di Arab Saudi yang dilaporkan akhbar tempatan

sejak beberapa minggu lalu.

Menurut statistik Kementerian Dalam Negeri, kes bunuh diri semakin meningkat di Arab Saudi.

Pada 1999, ia mencatatkan 400 kes tetapi naik hampir dua kali ganda dengan 787 kes pada 2010.

Kes bunuh diri semakin menjadi topik terbuka untuk dibincangkan di Saudi dan sesetengah ahli akademik berpendapat, sekiranya tiada tindakan diambil, keadaan mungkin menjadi bertambah buruk.

Langkah perlu diambil untuk memastikan golongan muda Saudi mengalami kemurungan hingga sanggup mengambil nyawa sendiri.

Bekas psikoterapi forensik, Ahmad Al-Hariri berkata, golongan muda Saudi kini menerima amalan bunuh diri ekoran kemajuan yang membawa perubahan kepada kehidupan masyarakat.

“Kehidupan moden yang mempunyai pelbagai cabaran dan kesukaran mendorong amalan bunuh diri kian diterima dalam budaya kehidupan,” katanya.

Beliau berkata, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi menangani keadaan itu seperti memberi khidmat kaunseling dan terapi kepada golongan berkenaan selain menjalankan penyelidikan mengenai punca yang mendorong kepada kegiatan itu. - Agensi